

# ANALISIS TEORI RELEVANS: PERWATAKAN, NILAI DAN PENGAJARAN DALAM NOVEL JALAN KE PUNCAK KARYA JURI DURABI

Norulwidad Zakaria, Abdul Rasid Jamian dan Ariff Mohamad

**Abstract** – Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perwatakan, nilai, dan pengajaran dalam teks novel tingkatan 2 iaitu Jalan ke Puncak karya Juri Durabi (2015). Perwatakan, nilai, dan pengajaran merupakan elemen dalam aspek seni bahasa yang terkandung dalam standard pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu tingkatan 2. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu analisis dokumen. Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) digunakan untuk menganalisis perwatakan, nilai dan pengajaran bagi watak Laiman. TR melalui analisis eksplikatur memaparkan maklumat tersurat manakala melalui analisis implikatur memaparkan maklumat secara tersirat. Dapatkan kajian yang diperoleh menunjukkan perwatakan dan nilai yang positif (amanah, bertanggungjawab, kesabaran, setia kawan, ketiautan, ketabahan, kegigihan, baik hati dan bantu membantu); watak utama novel iaitu Laiman. Kesimpulannya, elemen perwatakan, nilai, dan pengajaran dapat memberikan pelbagai kesan positif dan kesedaran kepada murid dalam realiti kehidupan. Implikasinya, pengajaran yang diperoleh dapat memotivasi murid dalam menjalani kehidupan yang penuh pancaroba. Kajian ini boleh dijadikan rujukan guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan KOMSAS (aspek seni bahasa) bagi teks novel serta mampu mencungkil kemahiran berfikir murid.

**Kata kunci** – KOMSAS, Novel Jalan ke Puncak, Teori Relevans, Eksplikatur, Implikatur

## I. PENGENALAN

Aspek seni bahasa melalui pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) KOMSAS diterapkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Murid dapat menerapkan nilai-nilai murni, memahami, menganalisis serta membentuk dan seterusnya meningkatkan kemahiran berfikir melalui Pengajaran dan Pemudahcaraan KOMSAS (Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet, 2020b). Teks novel dan antologi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) digunakan sebagai bahan pengajaran PdPc KOMSAS.

Melalui pembacaan karya seperti teks novel dan antologi, perasaan individu serta masyarakat dapat diselami secara mendalam, kreatif, dan kritis serta memberi pengajaran yang berguna terutamanya apabila hasil garapan karya tersebut mengetengahkan mesej berkaitan kemasyarakatan serta nilai-nilai dalam kehidupan (Mohd Khairul et al., 2018). Murid dapat merasai pelbagai emosi seperti keperitan hidup, sedih, gembira, marah dan sebagainya melalui penghayatan pembacaan (Siti Farida et al., 2020). Dalam menghayati keindahan jalan cerita novel Jalan ke Puncak karya Juri Durabi (2015), melalui watak-watak yang diketengahkan, secara tidak langsung dapat mempengaruhi murid ke arah pembentukan sahsiah dan membina nilai-nilai murni seperti kesabaran, kegigihan, dan ketabahan.

Novel adalah kesusasteraan naratif yang ditulis dalam bentuk penceritaan atau prosa panjang dan mempunyai plot yang kompleks KOMSAS (Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet, 2020a). Karya novel mengetengahkan pelbagai watak dengan penceritaan perwatakan dan jalan cerita yang terperinci. Penulisan novel yang kreatif dan tersusun turut menonjolkan tema atau mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca melalui cerita atau pengalaman hidup yang boleh ditimbulkan dari pelbagai aspek seperti kisah cinta, kisah kehidupan, pengembawaan, sejarah, politik dan sebagainya. Kenyataan ini disokong oleh Asyraf Jamin dan Mary Fatimah Subet (2019), novel merupakan karya yang sarat dengan wacana kehidupan. Menurut beliau lagi, wacana masyarakat ini termasuk aspek sosial, pendidikan, politik, perpaduan, kemasyarakatan dan sebagainya. Manakala, Mohd Khairul Adenan (2018) berpendapat novel adalah sebuah karya fiksyen yang ditulis melalui imaginasi dan dibukukan. Dalam konteks pendidikan, memahami dan menghayati karya dari segi sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan merupakan elemen KOMSAS yang perlu dikuasai dalam PdPc seni bahasa melalui teks novel tingkatan 2 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017).

## II. SOROTAN LITERATUR

Salah satu teori dalam disiplin pragmatik yang mengkaji topik bahasa dikenali sebagai Teori Relevan (TR). Sorotan literatur ini akan menjelaskan mengenai teori relevan yang diadaptasikan dalam kajian-kajian lepas. Pragmatik merupakan cabang dari ilmu linguistik (Nurul Fauziyah, 2022). Chomsky (1980) telah mempopularkan frasa kecekapan pragmatik, yang menerangkan pemahaman tentang cara bahasa digunakan dengan sewajarnya dalam konteks yang meletakkannya dalam persekitaran penggunaannya.

Norulwidad Zakaria<sup>1\*</sup>, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. (Email: widadsni@gmail.com)

Abdul Rasid Jamian<sup>2</sup>, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia (Email: rasid.jamian@fbk.upsi.edu.my)

Ariff Mohamad<sup>3</sup>, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia (Email: Ariff@fbk.upsi.edu.my)

Terdapat banyak kajian-kajian lepas yang membincangkan perihal prosa moden, prosa klasik, video, konten youtube dan bahasa. Sebahagian daripada pengkaji lepas yang mengadaptasi TR dalam kajian di Malaysia ialah Suriati dan Nor Hashimah (2016), Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020a), Khairun Dzuria et al. (2020) dan Marriane et al. (2021). Manakala, pengkaji luar yang mengaplikasikan analisis eksplikatur dan implikatur dalam kajian ialah Putu Weddha Savitri (2021) dan Nurul Fauziyah (2022).

Terdapat satu kajian tentang cerita lipur lara Melayu yang dijalankan oleh Suriati Zakaria dan Nor Hashimah (2016) telah menggunakan Teori Relevan (TR) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Analisis pertama data menekankan kognitif dan falsafah Melayu melalui pengaplikasian TR. Konsep persekitaran serta ruang yang besar dan terbuka dalam "Kapal Petolo Kapal Petolai" mempunyai pengaruh kognitif. Semakin besar kesan kognitif, semakin sedikit usaha yang diperlukan untuk memproses maklumat. Ini dapat memudahkan murid, pembaca maupun pendengar menginterpretasikan makna dengan tepat.

Begitu juga kajian Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020a), yang mengkaji perwatakan dalam Novel KOMSAS "Di Sebalik Dinara". Beliau melakukan kajian ini untuk mendapatkan makna sahih yang berkaitan dengan perwatakan watak sampingan yang terdapat dalam novel. Dapatkan kajian ini menunjukkan kepentingan penggunaan TR dalam pembelajaran KOMSAS. Dapatkan kajian juga dapat memberi makna implisit yakni tersirat kepada murid. Beliau turut membuktikan bahawa TR ini merupakan satu pendekatan yang sangat bermanfaat dalam pembelajaran KOMSAS di sekolah-sekolah kerana lebih mendorong ke arah kemahiran berfikir aras tinggi. Ini membuktikan bahawa pengintegrasian TR dalam PdPc mampu memberi manfaat yang besar kepada murid terutamanya dalam menggalakkan kemahiran berfikir.

Dapatkan kajian "Penggunaan Bahasa Rojak dalam Aplikasi Whatsapp: Analisis Teori Relevans oleh Khairun Dzuria et al. (2020) mendapati konteks yang terdapat dalam bahasa sisipan boleh difahami melalui penglihatan dan gambaran kepada persekitaran. Apabila murid memahami maksud perkataan yang disampaikan, mereka telah berjaya memproses dan menilai kaitan konteks dengan persekitaran serta aspek lain yang berkaitan. Murid dapat menghasilkan ayat yang mempunyai makna walaupun penggunaan bahasa rojak merupakan sebahagian daripada kandungan ayat tersebut. Beliau membuat rumusan bahawa usaha memproses makna oleh murid adalah rendah disebabkan oleh makna setiap kata dan ayat yang diujarkan adalah berbentuk tulisan mudah serta boleh difahami antara satu sama lain. Ini membuktikan analisis teori relevan mampu menguji serta menerapkan kefahaman berfikir dan mencari maklumat yang tepat berdasarkan konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

Manakala, Marriane et al. (2021) telah menggunakan analisis TR dalam kajianya yang bertajuk "Analisis Kefahaman Peribahasa dalam Kalangan Murid berdasarkan Teori Relevans" cuba untuk menganalisis hubungan antara kefahaman murid berdasarkan teori

relevans. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat suatu perkaitan yang jelas antara kefahaman pelajar dengan TR. Semakin tinggi kesan konteks yang diperoleh, maka usaha memproses maklumat yang diperlukan semakin kurang serta ujaran tersebut semakin relevan.


Salah seorang pengkaji luar negara yang mengaplikasikan analisis eksplikatur dan implikatur dalam kajian ialah Putu Weddha Savitri (2021). Kajian beliau membahas kandungan video youtube dengan mengeksplorasi maksud dan meneliti makna secara eksplisit dan implisit. Dapatkan kajian menunjukkan suatu tuturan dapat difahami oleh masyarakat secara umum melalui penggunaan bahasa pada konteks tertentu iaitu memahami makna tersirat melalui tuturan pengucapan tersurat.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nurul Fauziyah (2022) yang menggunakan analisis eksplikatur dan implikatur terhadap video tayangan narasi televisyen. Kajian ini menghuraikan makna dari setiap percakapan yang diucapkan oleh para penutur dalam rancangan bual bicara yang ditayangkan di televisyen. Dapatkan kajian menunjukkan informasi khusus lima bentuk eksplikatur percakapan iaitu permulaan, pengenalan, memberi salam, berterima kasih dan penyampaian maklumat. Manakala, terdapat beberapa bentuk implikatur percakapan telah disenaraikan melalui makna konteks iaitu mmengkritik, menyarankan, memberi usul, meminta, menyindir, melarang dan memerintah. Ini membuktikan bahawa analisis yang dilakukan dapat membentuk daya berfikir.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas membuktikan bahawa penerapan TR dalam sesebuah teks bertulis sangat menarik untuk dikaji terutamanya apabila melibatkan bahasa. Pentafsiran makna implisit yakni makna tersirat atau makna sebenar setiap data kajian dapat dicapai melalui analisis TR. Oleh itu, pengkaji berminat menjalankan kajian menggunakan TR untuk menghuraikan perwatakan watak utama, nilai dan pengajaran dalam PdPc KOMSAS novel Jalan ke Puncak. Hal ini dikatakan demikian kerana, berdasarkan kajian terdahulu yang menggunakan analisis TR, telah menunjukkan bahawa majoriti kajian dalam bidang bahasa mampu mentafsir maksud sebenar data atau ujaran dalam kajian. Namun begitu, kajian tentang cara TR diaplikasikan dalam PdPc KOMSAS, khususnya untuk teks novel menengah rendah masih belum meluas.

### III. METOD KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen atau teks. Data kajian diperoleh daripada novel Jalan Ke Puncak (Juri Durabi, 2015). Novel ini digunakan sebagai teks pembelajaran KOMSAS bagi menengah rendah Zon Utara. Novel ini mengandungi 15 bab yang mengemukakan Laiman sebagai watak utama. Manakala, watak sampingan pula ialah Milan, Pak Kiassim, Milan, Pak Sahok dan Soniah. Batasan kajian ini ialah pengkaji hanya menganalisis perwatakan, nilai dan pengajaran watak utama iaitu Laiman. Prosedur analisis data melalui penerapan analisis TR ini dipecahkan kepada beberapa bahagian seperti dalam Rajah 1.




Rajah 1: Prosedur analisis data

Pada peringkat pertama, penyelidik memilih teks yang hendak dianalisis berdasarkan watak utama dalam novel tersebut. Laiman merupakan watak utama dalam novel ini. Data kajian yang berfokus kepada peristiwa, ujaran dan tindakan yang melibatkan watak utama dianalisis secara eksplikatur pada peringkat seterusnya.

Pada peringkat eksplikatur, data kajian dianalisis secara tersurat dengan memilih perkataan atau frasa dan mendapatkan makna logik. Melalui makna logik, suatu kesan konteks dapat ditimbulkan dalam diri murid dan mewujudkan kesan kognitif dengan disokong oleh pengetahuan sedia ada. Kesan kognitif ini mampu mewujudkan makna tersirat atau andaian implisit berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid.

Seterusnya, kesimpulan secara implikatur dibuat terhadap data yang telah dianalisis. Makna sahih yang hendak dituturkan oleh penulis novel ini dapat diketengahkan berdasarkan watak utama yang dijadikan sebagai asas penyelidikan. Rajah 2 menunjukkan perkaitan antara kesan konteks dengan usaha memproses berdasarkan Teori Relevan.



Rajah 2: Perkaitan antara kesan konteks dan usaha memproses berdasarkan Teori Relevan

Menurut Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet (2020a), suatu ujaran adalah relevan jika sekiranya kesan konteks tinggi. Menurut beliau lagi, usaha memproses secara langsung menjadi rendah. Kesan

konteks dari sudut pandangan penyelidik merujuk kepada pengaruh analisis eksplisit terhadap makna yang dihubungkan dengan pengetahuan sedia ada. Daripada maklumat yang diperoleh, murid dapat mentafsir makna secara implisit berdasarkan apa yang mereka telah ketahui. Dalam erti kata lain, semakin tinggi pengaruh tersebut, semakin mudah untuk murid mentafsir makna tersirat iaitu usaha memproses menjadi lebih mudah.

#### IV. HASIL KAJIAN

Pada bahagian ini, penyelidik menganalisis data dan hasil kajian seterusnya menerangkan perwatakan dan nilai pada watak utama dalam novel “Jalan ke Puncak” diikuti dengan pengajaran yang terdapat pada data tersebut. Analisis data ini berfokus kepada makna logik daripada perkataan atau frasa petikan yang dipilih daripada novel. Interpretasi data dianalisis dengan lebih mendalam menggunakan TR. Jadual 1 dan jadual 2 masing-masing menunjukkan rumusan analisis berdasarkan data 1 dan data 2. Data-data yang dipilih adalah seperti berikut:

##### Data 1:

*“Ramai pekerja. Kontraktor pun ada. Kenapa bersusah-susah sangat? Bukanakah itu kerja kontraktor?” - Soniah  
“Aku tak harap sangat. Kalau ada apa-apa aku yang kena cari. Bukan kontraktor.” - Laiman*  
(Jalan ke Puncak; ms 15)

##### Makna logik:

Laiman tidak lepas tangan dalam melaksanakan tugasnya kerana jika berlaku sesuatu yang buruk, dia yang perlu bertanggungjawab.

##### JADUAL 1: RUMUSAN ANALISIS BERDASARKAN DATA 1

###### ANALISIS TR

Eksplikatur:	Bentuk Logik/Makna:
“Aku tak harap sangat. Kalau ada apa-apa aku yang kena cari. Bukan kontraktor.”	Tak:  singkat bagi tidak; tidak akan, tidak mungkin, tidak ambil peduli.
	Harap hasrat untuk memperoleh sesuatu, hasrat supaya berlaku sesuatu.  (Kamus Dewan (ed. ke-4), 2005)
	Tak harap Peluasan maksud: Setiap pekerjaan harus diawasi sendiri. (Jangan diharapkan kepada orang lain)
Andaian Implikatur: Seorang yang bertanggungjawab. Seorang yang amanah. Makna sebenar: (perwatakan) Seorang pekerja yang bertanggung jawab.	Kesimpulan Implikatur: Seorang pekerja yang bertanggungjawab dan amanah dalam menjalankan tugasnya. Nilai: Amanah Bertanggungjawab. Pengajaran:

Seorang pekerja yang amanah.	Kita hendaklah bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Kita perlulah amanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan. <b>(Lembaga Peperiksaan, 2018; 2019)</b>
------------------------------	--

#### Data 2:

*"Tak apalah. Aku sebenarnya tidak memaksa kau untuk menerangkannya. Lagipun, aku juga tidak mahu itu menjadi satu punca hubungan persahabatan kita renggang. Senyumlah. Aku mahu melihat senyumanmu,"* kata Laiman.

(Jalan ke Puncak; ms 17 dan 18)

#### Makna logik:

Laiman tidak mendesak Soniah untuk menjelaskan perkara sebenar. Dia tidak mahu merosakkan persahabatan mereka.

#### JADUAL 2 : RUMUSAN ANALISIS BERDASARKAN DATA 2

##### ANALISIS TR

Eksplikatur:	Bentuk Logik/Makna:
<i>"Tak apalah. Aku sebenarnya tidak memaksa kau untuk menerangkannya. Lagipun, aku juga tidak mahu itu menjadi satu punca hubungan persahabatan kita renggang. Senyumlah. Aku mahu melihat senyumanmu,"</i> kata Laiman.	Tidak: Tiada/bukan  Paksa/memaksa: Memstikan (dilakukan sesuatu), menyuruh dengan paksa, mendesak.  <i>(Kamus Dewan (ed. ke-4), 2005)</i>
	Tak harap Peluasan maksud: Tiada kemestian untuk berbuat sesuatu. Punca: Pangkal, perdu (asal mulanya, kerana, lantaran, sebab)
	Hubung/Hubungan Kaitan, pertalian, sangkut paut
	Persahabatan: Kawan, teman, taulan/Perihal bersahabat
	Renggang: Agak berjauhan, kurang erat (persahabatan dan lain-lain)
	<i>(Kamus Dewan (ed. ke-4), 2005)</i>
	Punca hubungan renggang Peluasan maksud: Sebab persahabatan menjadi kurang erat atau berjauhan. Kesimpulan Implikatur: Seorang sahabat yang penyabar dan setia kawan.
Andaian Implikatur: Seorang yang penyabar. Seorang yang setia kawan.  Makna sebenar: (perwatakan) Seorang sahabat yang penyabar. Seorang sahabat yang setia kawan.	Nilai: Kesabaran. Setia kawan. Pengajaran: Kita hendaklah sentiasa bersabar dalam menghadapi suatu situasi. Kita haruslah mempunyai semangat setia kawan dalam persahabatan. <b>(Lembaga Peperiksaan, 2018; 2019)</b>

#### IV. PERBINCANGAN

Dapatkan kajian ini menunjukkan analisis TR dapat membantu murid memahami data teks serta menggalakkan murid menghayati karya dan mencari makna implisit dalam novel Jalan ke Puncak. Setiap ujaran yang memberi kesan konteks serta pengaruh pengetahuan sedia ada mampu membantu murid mencari makna implisit dan membuat pelbagai andaian dalam usaha memproses maklumat. Pemprosesan maklumat ini memberi kesan kognitif kepada murid iaitu kesan eksplikatur dan kesan implikatur. Kognitif merujuk kepada proses mental untuk mentafsir, mempelajari serta memahami sesuatu dalam usaha memproses maklumat pembelajaran (Kamus dewan edisi keempat, 2005). Melalui usaha mencerna maklumat, pembaca dapat menghasilkan pelbagai anggapan bagi memperoleh kesan kognitif iaitu kesan eksplikatur dan implikatur dengan adanya kesan konteks sedia ada (Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet, 2020b). Menurut Sperber dan Wilson (1986), suatu andaian yang memberi beberapa kesan kognitif dalam konteks adalah andaian yang relevan dengan konteks.

Berdasarkan dapatan kajian, teks terpilih daripada novel telah berjaya dianalisis secara eksplisit pada peringkat awal menggunakan teori TR. Kemudian, makna kata dalam bentuk logik telah berjaya diterjemahkan secara implisit. Seterusnya, tujuan utama kajian untuk untuk menganalisis perwatakan, nilai (amanah, bertanggungjawab, kesabaran, setia kawan, ketaatan, ketabahan, kegigihan, baik hati dan bantu membantu);, dan pengajaran dalam teks novel tingkatan 2 iaitu Jalan ke Puncak karya Juri Durabi (2015) berjaya dilakukan.

#### V. KESIMPULAN

Kesimpulannya, makna sebenar berkaitan perwatakan, nilai dan pengajaran daripada setiap data yang dipilih dalam novel Jalan ke Puncak telah dianalisis dengan pengaplikasian TR. Kajian ini membuktikan bahawa pengaplikasian TR dalam KOMSAS khususnya pengajaran novel adalah relevan dan dapat memberi makna implisit dan kesan kognitif kepada murid. Perkara ini selari dengan dapatan kajian lepas yang turut menggunakan analisis TR dalam kajian bahasa iaitu konsep ruang, peribahasa, partikel dan lain-lain lagi.

Kajian ini berjaya memenuhi tujuannya iaitu mempraktikkan serta mengaplikasikan TR dalam pengajaran KOMSAS khususnya novel bagi menganalisis perwatakan, nilai dan pengajaran. Pengkaji berpendapat, penerapan TR ini boleh dijadikan sebagai satu strategi yang menjurus kepada penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid khasnya. Pengkaji meletakkan harapan yang tinggi agar kajian yang mengaplikasikan TR dapat dilakukan pada masa hadapan untuk mengupas topik-topik lain yang berkaitan dalam setiap pengajaran dan pemudahcaraan kemahiran bahasa di sekolah-sekolah bagi meningkatkan penguasaan serta penjiwaan murid terhadap bahasa seterusnya meningkatkan kemahiran berbahasa.

## PENGHARGAAN (ACKNOWLEDGEMENT)

Penyelidikan ini dijalankan di bawah Program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) (No. Rujukan: KPM.BT.700-30/22/86(5)) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang menganugerahkan skim ini. Sebahagian daripada artikel ini dijalankan untuk menyelesaikan tesis kedoktoran (PHD) di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). Dokumen Standard *Kurikulum Pentaksiran Sekolah Menengah (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 2*. KPM: Putrajaya.
- Chomsky, N. (1980). *Rules and Representations*. Columbia Universiti Press.
- Juri Durabi (2015). *Jalan ke puncak*. KPM. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan* (ed. ke-4). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairun Dzuria Azniza Mat Yazid, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Nordiana Hamzah, Farra Humairah Mohd, Hasrina Baharum & Norfaizah Abdul Jobar. (2020). Penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi whatsapp: Analisis teori relevans. *Prosiding Seminar Antarabangsa Komunikasi dan Budaya 2020*, hl. 127-132. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Lembaga Peperiksaan. (2018). *Penataran PT3*. KPM:Putrajaya.
- Lembaga Peperiksaan. (2019). *Penataran PT3*. KPM:Putrajaya.
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa, & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik*, 25(1).
- Mary Fatimah Subet and Asyraff Jamin. (2019). *Wacana kemasyarakatan dalam karya-karya Indie di Malaysia: Social Discourse In Malaysia's Indie Masterpieces*. *Sains Humanika*, 12 (1), 1-10. <https://doi.org/10.11113/sh.v12n1.1621/>
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera indie: Karya Anwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106 -121.
- Nurul Fauziyah. (2022). Implikatur dan eksplikatur dalam video tayangan narasi TV- Muda bersuara: Kajian Pragmatik. *Jurnal.uhamka.ac.id*, 1(2), 250-272. <https://doi.org/10.22236/referen.v1i2.9150>
- Putu Weddha Savithri. (2021) Implikatur dan Eksplikatur dalam Konten Youtube Puja Astawa: Kajian Sosiopragmatik. *International Seminar on Austronesian Languages and Literature*, 9(1), 409-415.
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd Nor. *Asian People Jurnal (APJ)*, 3(1), 45 – 63. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.144>
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *A Relevance: Communication and cognition*. Oxford:Blackwell.
- Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet. (2020a). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevan. *Asian People Jurnal (APJ)*, 3(1), 84 – 100.
- Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet. (2020b). Teori relevans dalam pengajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47 – 54.
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaludin. (2016). Konsep ruang dalam anggun cik tunggal: analisis semantik inkuisitif. *GEMA online ® Journal of Language Studies*, 16 (3), 187 – 804.